

SOALAN NO: 146

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : KHAMIS, 12 JUN 2014

RUJUKAN : L8 [PR-1322-L61636]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan usaha DBKL dan agensi lain untuk mengatasi banjir kilat yang sering berulang sekitar Kuala Lumpur setiap kali hujan lebat.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan amat mengambil berat terhadap masalah kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur sewaktu hujan lebat.

Punca-punca utama yang menyebabkan kejadian banjir kilat termasuk:

- a) Keamatan hujan yang tinggi akibat dari perubahan iklim global;
- b) Pertambahan kadar pengaliran di sistem saliran dan sungai akibat dari pembangunan yang pesat di sekitar Kuala Lumpur termasuk kawasan hulu tadahan sungai di Negeri Selangor;
- c) Gangguan terhadap sistem perparitan oleh sampah sarap yang dibuang oleh orang ramai ke dalam sistem saliran dan sungai;

d) Gangguan terhadap sistem perparitan akibat dari kerja-kerja pembinaan termasuk projek-projek kerajaan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memanfaatkan rakyat. Kementerian akan terus memantau aktiviti kerja pembinaan dan memastikan gangguan terhadap infrastruktur awam termasuk sistem saliran dapat dikurangkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama dari Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kemudahan sistem perparitan di sekitar Kuala Lumpur untuk memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada warga kota. Antara langkah-langkah pencegahan banjir di Kuala Lumpur ialah:-

a) Mempertingkatkan Sistem Saliran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mempertingkatkan sistem perparitan untuk kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang mudah berlaku banjir. Untuk tempoh RMK-9, sejumlah RM 132 juta telahpun dibelanjakan untuk kerja-kerja peningkatan sistem perparitan termasuk pembinaan kolam-kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir di sekitar Kuala Lumpur.

Bagi tahun 2012-2014, sebanyak RM 10.36 juta telah dan akan dibelanjakan untuk tujuan di atas. Di samping itu beberapa projek-projek menaiktaraf sistem perparitan masih dalam perancangan dalam tahun ini dengan jumlah kos anggaran sebanyak RM 33.5 juta.

b) Mengawal Kadar Aliran Pada Punca (*control-at-source*), dengan izin:

Mulai pada tahun 2008, semua projek pembangunan disyaratkan untuk membina kolam tadahan ('*On-Site Detention (OSD) ponds*'), dengan izin, dan juga mengadakan sistem penuaian air hujan ('*rainwater harvesting*'), dengan izin, bagi mengurangkan impak pertambahan kadar larian air hujan.

c) Mengawal Aktiviti Kerjatanah

Mensyaratkan semua pemaju terutamanya pembangunan di kawasan bukit supaya menggunakan amalan terbaik pengurusan tapak (*Best Management Practices*), dengan izin, untuk mengawal hakisan tanah dan mendapan kelodak akibat dari kerjatanah serta membersihkan perangkap kelodak ('*silt traps*'), dengan izin, dan sistem perparitan di sekitar kawasan pembangunan mereka.

d) Menyenggara dan Membersihkan Sistem Perparitan

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS WPKL) dan Alam Flora Sdn. Bhd. sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembersihan berkala untuk semua sungai, kolam takungan banjir dan sistem perparitan di Kuala Lumpur bagi memastikan keseluruhan sistem perparitan berfungsi dengan baik.